

## **SATU TINJAUAN LITERATUR PENGGUNAAN PORTFOLIO KANAK-KANAK PRASEKOLAH**

**Surayah Zaidon**  
Jabatan Bahasa  
Maktab Perguruan Islam

### **ABSTRAK**

*Portfolio Kanak-kanak Prasekolah merupakan satu dokumentasi penting yang dapat menceritakan dan memerihalkan perkembangan kanak-kanak sepanjang mengikuti program prasekolah. Oleh sebab itu portfolio seharusnya digunakan sepenuhnya dalam menilai perkembangan yang dialami oleh kanak-kanak. Namun, didapati pelaksanaannya sekadar sebagai satu fail untuk mengumpul hasil kerja kanak-kanak. Ini merupakan satu kerugian yang besar bukan sahaja kepada kanak-kanak tetapi juga keseluruhan pelaksanaan program prasekolah. Kertas kerja ini akan membincangkan konsep penggunaan portfolio yang sepatutnya diterapkan di dalam program prasekolah. Pelaksanaan portfolio yang bertepatan adalah penting bagi menjamin perkembangan kanak-kanak dinilai dengan berkesan dan dapat membantu perkembangan kanak-kanak.*

### **PENGENALAN**

Pendidikan Prasekolah di Malaysia berkonsepkan program pendidikan tidak formal yang menyediakan pengalaman pembelajaran kepada kanak-kanak berusia empat hingga enam tahun sebagai persediaan sebelum masuk ke Tahun Satu di sistem persekolahan formal. Berikutan Akta Pendidikan 1996, Pendidikan Prasekolah telah diinstitusikan ke dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan dengan matlamat untuk menyuburkan potensi kanak-kanak dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan untuk masuk ke sekolah rendah. Peruntukan ini menunjukkan penumpuan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mempertingkatkan kualiti pendidikan prasekolah.

Selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh, bersepadu dan seimbang perlu diberi pertimbangan yang sewajarnya di dalam program prasekolah kerana pengalaman prasekolah bakal mencorakkan perkembangan kanak-kanak seterusnya. Menurut Rohaty (1986) pengabaian semasa proses perkembangan ini akan memberikan pengalaman yang negatif kepada kanak-kanak. Kajian-kajian yang dijalankan oleh Abu Bakar (1986), Halim (1989) dan Ahmad Abd. Ghani (1993) menunjukkan pelbagai kesan positif dan berlarutan dialami oleh kanak-kanak yang mengikuti program prasekolah. Justeru, program prasekolah perlu menjamin perkembangan intelektual, sosial, akhlak, emosi dan jasmani kanak-kanak dijalankan dengan sebaiknya supaya kanak-kanak boleh berkembang secara optima. Kajian Rahimah (1996) merumuskan kecemerlangan program prasekolah membabitkan kecemerlangan matlamat, isi kandungan, proses pengajaran, hasil pembelajaran, persekitaran pembelajaran dan para pendidik yang terlibat.

Sehubungan itu keperluan penilaian perkembangan kanak-kanak di peringkat prasekolah perlu dititik beratkan. Penilaian perkembangan kanak-kanak prasekolah melibatkan pemerhatian, rakaman dan dokumentasi kegiatan dan permainan yang dijalankan oleh kanak-kanak. Ia merupakan satu proses yang berterusan dan bertumpu kepada apa yang kanak-kanak lakukan dan bagaimana ianya dilakukan (Meisels 1995). Menurut Seefeldt (1990) kanak-kanak mempunyai repertoir tingkah laku yang terhad untuk ditafsir dan tidak dapat menggunakan bahasa dengan tepat untuk menerangkan pengalaman yang dialami. Justeru itu pemerhatian adalah kaedah yang terbaik untuk menilai perkembangan mereka disebabkan melalui tingkah laku kanak-kanak meluahkan perasaan, ide dan pengetahuan dan emosi mereka. Menurut Nor Hashimah dan Khadijah (2000) penilaian perkembangan adalah suatu perkara yang dilakukan setiap hari bagi membantu guru prasekolah mendapat gambaran yang jelas tentang pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak, pengajaran guru dan keberkesanan program. Ia memberi arah untuk tindakan selanjutnya kepada guru juga ibu bapa, supaya perkembangan kanak-kanak yang optima boleh berlaku.

## KONSEP PENILAIAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK

Perkembangan kanak-kanak terbahagi kepada perubahan kuantitatif iaitu perubahan yang boleh diukur seperti ketinggian dan berat; dan perubahan kualitatif yang bermaksud proses perubahan yang abstrak dari satu tahap ke tahap yang lain contohnya kemahiran berfikir dan bersosial. Perkembangan kanak-kanak berlaku secara beransur-ansur dan berterusan, hasil daripada tindakan yang saling berkait antara proses kematangan dan pembelajaran mengikut aturan semulajadi dan sifat-sifat sejagat. Pengaruh baka dan persekitaran memberikan kanak-kanak kadar dan tahap perkembangan yang berbeza-beza. Interaksi pengaruh-pengaruh tersebut membantu dalam menentukan pencapaian perkembangan ke satu tahap yang maksimum (Bee 1995; Rohani 2001).

Tahap perkembangan kanak-kanak berlaku dengan pesat pada lingkungan umur empat hingga enam tahun. Kajian Bloom (1964) membuktikan 80% kecerdasan seseorang individu pada usia 18 tahun terbina pada peringkat umur prasekolah. Pada usia ini kanak-kanak bertindak aktif kepada ransangan, berinteraksi bebas dengan orang sekeliling dan peka kepada keadaan sekeliling. Roopnarine dan Johnson (1997) menegaskan kanak-kanak menempuh waktu perkembangan yang paling sensitif justeru perlu diberi pendidikan seawal mungkin. Sehubungan itu adalah penting kanak-kanak mengalami pengalaman pembelajaran prasekolah yang berkesan, bermakna dan menggembirakan supaya kanak-kanak dibekalkan dengan kemahiran, keyakinan diri dan sikap yang positif sebelum memasuki alam persekolahan formal (Rohaty 2003).

*National Association for the Education of Young Children (NAEYC) 1991* mendefinisikan penilaian perkembangan kanak-kanak sebagai proses mendokumentasi apa yang dilakukan oleh kanak-kanak dan bagaimana mereka melakukannya bertujuan membuat keputusan-keputusan berkenaan kanak-kanak. Garispanduan Penilaian Selaras Perkembangan Kanak-kanak Berumur Tiga hingga Lapan Tahun (1991) yang dikeluarkan oleh badan tersebut menjelaskan bahawa penilaian yang dijalankan perlu berterusan, bersesuaian dan boleh membantu perkembangan. Perancangan, strategi dan instrumen penilaian perlu berbeza-beza bersesuaian dengan setiap tujuan penilaian dan matlamat

pembelajaran. Kriteria penilaian perkembangan kanak-kanak perlu bersesuaian dengan objektif dan kandungan pembelajaran (Schweinhart 1993). Skop penilaian tidak terhad kepada bahasa dan matematik tetapi termasuk inisiatif, hubungan sosial, persembahan kreatif, muzik dan pergerakan. Penilaian yang dijalankan perlu bersesuaian dengan aktiviti kanak-kanak serta bermakna dalam pengalaman harian kanak-kanak dan dilaksanakan secara tidak formal semasa kanak-kanak mengalami proses pembelajaran melalui pemerhatian dan dokumentasi.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2003a) dalam menghuraikan kurikulum prasekolah menyatakan bahawa penilaian perkembangan kanak-kanak prasekolah adalah sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran yang perlu dijalankan secara berterusan. Selain bertujuan mengenal pasti pelbagai kecerdasan dan potensi untuk diberi pengukuhan dan dipertingkatkan di dalam kesemua domain- domain kognitif, afektif dan psikomotor, penilaian tersebut juga memberi maklumat untuk menentukan pencapaian sesuatu objektif dan hala tuju pengajaran dan pembelajaran. Menurut Zurida et al. (2003), ciri-ciri penilaian pada peringkat prasekolah lebih bercorak rujukan kriteria kerana ia memberi ruang bagi guru untuk memantau kemajuan kanak-kanak secara individu. Membandingkan perkembangan kanak-kanak mengikut tahap yang seharusnya patut dicapai pada peringkat-peringkat tertentu mengikut umur membolehkan guru memilih dan merancang pengalaman pembelajaran yang bersesuaian dengan keperluan kanak-kanak. Proses pemerhatian, mengenal pasti, mengumpul dan menganalisis rekod perkembangan kanak-kanak membolehkan guru memahami perkembangan serta kemajuan pembelajaran kanak-kanak.

Penilaian perkembangan kanak-kanak dapat disimpulkan sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran kanak-kanak bertujuan mengumpul maklumat tentang pengetahuan, kemahiran dan pencapaian kanak-kanak bagi membantu perkembangan yang seterusnya. Proses ini perlu dijalankan secara berterusan dan bersesuaian dengan objektif pembelajaran dan tahap perkembangan individu setiap kanak-kanak semasa kanak-kanak mengalami proses pembelajaran.

Kajian Mohamad (1993) berjudul *Tugas dan Masalah Guru Dalam Mengendalikan Kurikulum Prasekolah* yang dijalankan ke atas 12 orang guru tadika dan 11 orang pembantu guru Tabika Perpaduan mendapati aspek penilaian perkembangan kanak-kanak telah diketahui namun guru menghadapi kesukaran mengendalikannya akibat kurang kemahiran. Isu yang sama timbul dalam kajian Rohaty (1996b) bertajuk *Educational Assessment of Malaysian Preschoolers*. Kajian tersebut juga menunjukkan guru kurang berpengetahuan tentang kepelbagaian jenis kaedah penilaian perkembangan kanak-kanak.

Hasil dari kajian yang dijalankan oleh Nordin et al. (2000) mendapati guru menghadapi beberapa masalah sewaktu melaksanakan penilaian di peringkat prasekolah. Sebahagian dari responden merekod prestasi murid hanya berpandu kepada buku laporan kemajuan murid yang disediakan oleh pihak penganjur. Guru-guru kurang pendedahan dan latihan terhadap pelaksanaan penilaian menyebabkan mereka tidak menggunakan pelbagai kaedah penilaian yang dapat memberikan maklumat yang jelas tentang perkembangan dan penguasaan kanak-kanak. Seterusnya, beban tugas dan tanggungjawab yang banyak mengekang guru untuk melaksanakan penilaian. Membuat penilaian seperti kaedah pemerhatian memerlukan kecekapan dan perancangan serta memakan masa yang banyak. Selain itu, penilaian dalam bidang afektif sukar dilaksanakan. Pentafsiran pencapaian dan penguasaan kanak-kanak sukar dilakukan. Penilaian yang berterusan tidak dapat dilaksanakan kerana masa dan tenaga pengajar yang tidak mencukupi untuk bilangan kanak-kanak yang agak ramai serta pelbagai karenah. Ibu bapa sering tersalah anggap terhadap tujuan penilaian menyebabkan guru-guru terpaksa menggunakan satu kaedah yang dapat menyampaikan maklumat yang cepat dan tepat kepada mereka. Dengan itu ujian dijalankan untuk menilai perkembangan kanak-kanak.

Kajian yang dijalankan oleh Nor Hashimah dan Khadijah (2000) ke atas pelaksanaan penilaian pendidikan Islam dan Moral di prasekolah mendapati kebanyakan pengurus dan guru tidak mempunyai masa yang cukup untuk membuat penilaian berbentuk formatif. Pemerhatian, senarai semak atau rekod individu jarang dilaksanakan. Guru banyak memberi tumpuan pada persediaan dan pelaksanaan aktiviti di dalam bilik darjah. Tiada rekod yang sistematik digunakan untuk mencatat tentang perubahan sikap, emosi, tingkah laku atau

amalan kanak-kanak secara terperinci. Keadaan ini berlaku kerana ibu bapa lebih memberi perhatian kepada aspek kognitif kanak-kanak seperti pencapaian dalam pembacaan dan nombor. Aspek-aspek seperti sikap, emosi, tingkah laku hanya dibincangkan dengan ibu bapa yang bertanya dan berminat untuk mengetahui perkembangan anak-anak mereka. Namun demikian guru sedar bahawa penilaian aspek-aspek ini penting tetapi pelaksanaannya tidak begitu diperlukan. Kajian tersebut juga mendapati hasil kerja seni kanak-kanak kebanyakannya tidak disimpan di dalam portfolio sebaliknya dipamerkan di kelas. Ini bagi memotivasikan kanak-kanak dan memaklumkan kepada ibu bapa aktiviti-aktiviti prasekolah.

Kajian di Malaysia menunjukkan penilaian yang dijalankan di kebanyakan tadika lebih banyak menjurus pada perkembangan akademik dan kognitif. Kajian Rohaty (2003) mendapati penggunaan penilaian lebih menumpu pada melaporkan kemajuan kanak-kanak kepada ibu bapa, sedangkan ianya mempunyai skop yang lebih luas. Penilaian dijalankan secara formal dengan cara menduduki ujian yang kemudiannya diberikan gred markah dan kedudukan. Kesan dari kemasukan gred dan markah adalah penglabelan ke atas kanak-kanak secara langsung terlalu awal. Melabel kanak-kanak hasil satu dua ujian adalah perbuatan yang tidak sesuai. Ianya boleh memberikan tekanan tekanan kepada ibu bapa dan guru yang inginkan anak-anak mereka maju.

### **KONSEP-KONSEP ASAS PENGGUNAAN PORTFOLIO**

Arter dan Spandel (1991) mendefinisikan portfolio sebagai satu koleksi hasil kerja kanak-kanak yang bermatlamat yang menunjukkan usaha, kemajuan dan pencapaian kanak-kanak dalam satu atau lebih bidang pembelajaran. Menurut Grace (1992) portfolio adalah satu rekod proses pembelajaran yang dilalui oleh kanak-kanak. Ianya menunjukkan apa yang telah dipelajari dan bagaimana ianya dipelajari oleh kanak-kanak; bagaimana dia berfikir, menyoal, menganalisis, mensintesis, menghasilkan dan mencipta sesuatu dalam usaha menyiapkan tugas yang diberi. Portfolio juga menunjukkan bagaimana kanak-kanak berinteraksi secara intelektual, emosi dan sosial dengan orang lain. Bhasah (2003) berpendapat portfolio merupakan satu rekod penyimpanan maklumat dalam bentuk *folder*

atau fail atau sebagainya yang mengandungi bahan- bahan kutipan yang dikumpulkan untuk sesuatu tempoh bagi menggambarkan dan menjelaskan atau menerangkan perkembangan kanak-kanak dalam menyiapkan tugas yang diberi.

Grace (1992) menyatakan bahawa portfolio mampu menilai perkembangan kanak-kanak secara autentik kerana portfolio adalah bukti pencapaian kanak-kanak yang sebenar dan bersesuaian dengan proses pembelajaran. Proses pembelajaran boleh direkod melalui portfolio kerana kandungan portfolio mampu menunjukkan apa yang telah dipelajari, bagaimana kanak-kanak mempelajarinya dan bagaimana kanak-kanak berinteraksi dengan orang lain dalam menyempurnakan tugas mereka. Portfolio dapat memantau kemajuan kanak-kanak kerana portfolio merekod kejayaan dan bukannya kegagalan kanak-kanak. Usaha memantau kemajuan kanak-kanak perlu dijalankan di konteks persekitaran di mana pembelajaran berlaku (Appl 2000).

Menurut Meisels (1993), portfolio merupakan satu bentuk penilaian autentik kerana kanak-kanak dinilai berdasarkan pengalaman yang sedang dialami iaitu menerusi hasil kerja yang dihasilkan oleh kanak-kanak dalam konteks sebenar kanak-kanak berada. Portfolio memperlihatkan perkembangan kanak-kanak yang sistematik. Ia juga dapat menunjukkan potensi kanak-kanak menghasilkan pelbagai hasil kerja, berupaya untuk mengintegrasikan pengajaran dan penilaian, dan membolehkan aktiviti guru dan murid berlaku serentak. Pendapat ini disokong oleh Arter et al.(1995) yang juga menambah bahawa portfolio membolehkan apa yang diketahui dan boleh dibuat oleh kanak-kanak dilihat dengan jelas dan merupakan satu bentuk penilaian autentik untuk melaporkan kemajuan kanak-kanak kepada ibu bapa dengan lebih baik. Menerusi portfolio, pelajar melakukan tugas yang bererti, berdasarkan pengetahuan awal, pembelajaran semasa dan kemahiran yang relevan untuk menyelesaikan masalah yang benar atau autentik (Bhasah 2003). Pendapat ini disokong oleh Arter et al.(1995) yang juga menambah bahawa portfolio membolehkan apa yang diketahui dan boleh dibuat oleh kanak-kanak dilihat dengan jelas dan merupakan satu bentuk penilaian autentik untuk melaporkan kemajuan kanak-kanak kepada ibu bapa dengan lebih baik. Lantas ini menjadikan portfolio dokumentasi berharga berkenaan pembelajaran dan kemajuan sebenar yang dialami oleh kanak-kanak.

Paul (1995) mencirikan portfolio sebagai proses pembelajaran yang dijalankan secara berterusan yang bersifat multidimensi dari segi jenis hasil kerja dan bidang kurikulum yang terlibat. Ianya menyediakan refleksi kolaboratif di mana pelajar dapat mereflek pengetahuan, pemahaman, kemahiran, proses berfikir dan tingkah laku sepanjang proses pembelajaran berlaku. Bergantung kepada matlamat pembelajaran yang ditetapkan, kandungan portfolio adalah pelbagai dan dalam pelbagai bentuk, merangkumi hasil kerja dari proses sumbang saran, draf kerja sehingga ke hasil kerja sebenar. Dan disebabkan ianya dilakukan dalam satu jangka masa, ianya dapat merekod perkembangan dan kemajuan kanak-kanak (Grace 1992; Bhasah 2003). De Fina (1992) menyenaraikan lima prinsip penggunaan portfolio iaitu seperti berikut:

- i. Merupakan koleksi hasil kerja pelajar yang sistematik dan bermakna dalam satu atau lebih komponen pembelajaran
- ii. Pelajar, bersama guru memilih hasil kerja yang sepatutnya dimasukkan berdasarkan kriteria yang ditetapkan
- iii. Mengandungi pelbagai hasil kerja yang terdiri dari pelbagai bentuk media
- iv. Boleh merefleksi pembelajaran sebenar yang dialami setiap hari
- v. Dilakukan secara berterusan agar boleh memperlihatkan usaha, kemajuan dan pencapaian dalam satu jangka masa

Dalam memastikan penggunaan portfolio yang sistematik dan bermakna Ward dan Murray-Ward (1999) mencadangkan langkah penyediaan portfolio seperti berikut:

- i. Tentukan tujuan
- ii. Nyatakan kandungan dan kemahiran yang akan ditaksir atau diberi perhatian
- iii. Tentukan sasaran yang akan dinilai dan peringkatnya
- iv. Nyatakan bahan-bahan yang perlu dikutip
- v. Tetapkan kaedah pengumpulan bahan dan tempoh bagi sesuatu aktiviti itu dijalankan
- vi. Pastikan pelajar terlibat sama dalam pengumpulan bahan
- vii. Perjelaskan kaedah pengredan untuk menaksir tugas portfolio

viii. Sediakan satu ruang yang mencukupi untuk menyimpan portfolio

Secara fizikal portfolio boleh berbentuk fail, *folder*, kotak atau disket bergantung kepada kesesuaian penyimpanan hasil kerja yang terkumpul. Menurut Cohen (2003) portfolio seharusnya besar untuk menampung kerja-kerja seni, bahan audio-video, hasil tulisan dan sebagainya. Ianya juga perlu tahan lama kerana ianya sentiasa digunakan oleh kanak-kanak dalam satu tempoh masa.

### **Tujuan Penggunaan Portfolio**

Tujuan yang jelas tentang penggunaan portfolio akan membolehkan pelaksanaannya berjalan dengan berkesan. Kementerian Pendidikan Malaysia (2003a) telah menetapkan penggunaan portfolio di prasekolah sebagai rekod penyimpanan pengalaman, usaha, kemajuan yang diperolehi serta juga kejayaan yang diperolehi bersama rakan-rakan lain; sebagai asas penilaian perkembangan ; sebagai panduan untuk pengajaran dan pembelajaran dan untuk mengumpulkan maklumat untuk dikongsi bersama ibubapa berkenaan perkembangan dan kemajuan anak mereka.

Menurut Meisels et al.(1997), portfolio menunjukkan proses pembelajaran dan aplikasi pemahaman; dan mampu mendokumentasi kekuatan dan kelemahan kanak-kanak yang merupakan bukti perkembangan harian yang berlaku ke atas kanak-kanak. Portfolio berfungsi bukan sahaja sebagai rekod kemajuan kanak-kanak, malah ia juga mewakili usaha dan perkembangan kanak-kanak dalam keseluruhan program prasekolah (Gronlund 1998). Wortham (2002) menjelaskan portfolio mampu merekod perkembangan kanak-kanak dari pelbagai hasil kerja yang terkumpul. Melalui hasil kerja dan eviden perkembangan yang ada dapat dikenal pasti perkembangan yang telah berlaku. Ianya membolehkan pelajar mengesan, mengikuti perkembangan dan melihat kemajuan mereka sendiri dalam satu tempoh. Dengan itu pelajar dapat berusaha untuk meningkatkan pencapaian dengan menggunakan potensi diri mereka dalam menyelesaikan tugas yang diberi.

Meisels (1995) berpendapat penggunaan portfolio membolehkan penilaian kebanyakan elemen pembelajaran dan perkembangan yang tidak diambil kira di dalam ujian-ujian yang dijalankan. Ianya adalah satu bentuk penilaian berasaskan pencapaian atau *performance evaluation* kerana ia menunjukkan apa yang boleh dilakukan oleh kanak-kanak di dalam situasi sebenar pembelajaran. Justeru penilaian yang ditadbir berasaskan portfolio adalah lebih autentik kerana kanak-kanak dinilai berdasarkan proses dari bukti yang dilihat dan bukannya dari satu ujian bertulis yang tidak menggambarkan proses pembelajaran kanak-kanak. Penilaian perkembangan berasaskan portfolio adalah lebih memenuhi tahap perkembangan kanak-kanak kerana kanak-kanak tidak dinilai di luar rutin harian mereka..

Portfolio mempunyai kebaikan dari segi pengajaran kerana portfolio mengintegrasikan pengajaran dan penilaian; dan bersesuaian dengan kurikulum kerana pelbagai aspek perkembangan dapat dinilai dari sesuatu hasil kerja (Meisels 1995; Ward dan Murray-Ward 1999; Appl 2000). Kepada guru, portfolio dapat membantu melihat keseluruhan proses dan produk pengajaran, dan dapat mengenal pasti perkembangan pelajar. Pengintegrasian ini boleh membantu perkembangan pembelajaran yang berjaya kerana ia mampu mendokumentasi dan menggambarkan pengajaran guru.

Meisels (1993), berpendapat portfolio menemukan aktiviti kanak-kanak dan aktiviti guru. Melalui apa yang dikumpul di dalam portfolio, guru boleh mempelajari bagaimana kanak-kanak belajar. Seterusnya pengubahsuaian aktiviti kelas yang bersesuaian boleh dibuat dalam memastikan objektif pembelajaran tercapai sebaik mungkin. Secara tidak langsung ini membolehkan penilaian ke atas kurikulum berlaku kerana kandungan portfolio boleh mengesahkan kompetensi kanak-kanak ke atas aktiviti pembelajaran yang dialami (Arter et al. 1995). Keselarasan kurikulum dan penilaian juga dapat dilihat dalam proses pedagogi seterusnya memberi impak ke atas proses pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak sepanjang program (Klenowski 2002).

Hoy dan Greg (1994) menyatakan portfolio merupakan satu sumber yang sistematik dalam merancang dan berkomunikasi tentang perkembangan kanak-kanak dengan ibu bapa. Menurut Gronlund (1998) portfolio membolehkan guru menunjukkan contoh-contoh hasil

kerja kanak-kanak yang dapat menjelaskan apa yang diketahui dan telah dipelajari oleh kanak-kanak sepanjang proses pembelajaran. Portfolio merupakan bukti –bukti nyata yang dapat menyokong perkembangan kanak-kanak yang dilaporkan kepada ibu bapa. Ibu bapa juga dapat memvisualisasi penyertaan anak mereka di dalam aktiviti kelas dan turut serta dalam menilai kemajuan anak mereka melalui hasil kerja yang dibuat. Ini membolehkan ibu bapa memahami sama ada anak mereka berkembang secara normal atau sebaliknya (Arce 2000).

Kesimpulannya, tujuan penggunaan portfolio adalah untuk merekod perkembangan kanak-kanak, menjadi asas dalam menilai perkembangan kanak-kanak, sebagai panduan proses pengajaran dan pembelajaran dan menjadi bukti pelaporan perkembangan kanak-kanak kepada ibu bapa.

### **Kandungan Portfolio**

Portfolio mengandungi hasil kerja kanak-kanak yang memenuhi tujuan dan objektif pembelajaran harian kanak-kanak. Hasil kerja tersebut menggambarkan pengalaman yang dialami dan yang ingin dicapai. Contoh hasil kerja adalah seperti lukisan , kraftangan, gambar foto, sampel daripada aktiviti , hasil penulisan dan laporan dari pemerhatian (Kementerian Pendidikan Malaysia 2003b). Hasil kerja yang dikumpul dapat menggambarkan kemajuan atau perkembangan seseorang kanak-kanak. Lukisan, contohnya menunjukkan kesedaran dan keperihatinan tentang sesuatu objek manakala hasil tulisan pula menunjukkan tahap literasi kanak-kanak (Rohani 2001).

Menurut Engel (1991) hasil kerja dapat mengenal pasti dan menyokong perkembangan kanak-kanak. Hasil kerja dapat memantau kejayaan yang dicapai kanak-kanak berbanding kegagalan yang dihadapi di samping menunjukkan usaha ,kemajuan dan pencapaian mereka . Hasil kerja yang dikumpul perlu pelbagai termasuklah draf-draf kerja yang bersesuaian yang dapat menunjukkan usaha, aplikasi pengetahuan dan kemahiran kanak-kanak. Hasil kerja dalam pelbagai bentuk media seperti hasil kerja dalam bentuk rakaman audio video dan gambar foto mampu menunjukkan perkembangan kanak-kanak

dengan lebih jelas. Menurut Grace (1992), bergantung kepada tujuan diadakan portfolio, kandungannya perlu boleh berkomunikasi tentang apa yang mampu dibuat oleh kanak-kanak. Ianya perlu selari dengan aktiviti kelas dan perkembangan kemahiran tertentu yang ingin diajar kerana ianya merupakan refleksi matlamat pembelajaran.

Kesimpulannya, kandungan portfolio adalah pelbagai . Namun ianya perlu berdasarkan matlamat pembelajaran yang ditetapkan dan bersesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak.

### **Pengumpulan Kandungan Portfolio**

Portfolio tidak seharusnya menjadi tempat mengumpul segala hasil kerja kanak-kanak. Pengumpulan bahan tidak boleh dijalankan sembarangan kerana ini boleh menjejaskan pelaporan perkembangan kanak-kanak. Bahan-bahan perlu dikumpul secara kronologi bagi memudahkan proses mendokumentasi perkembangan (Grace 1992). Pengumpulan dari pelbagai situasi pembelajaran juga perlu agar portfolio menjadi alat untuk mendokumentasi, menganalisis dan merumus perkembangan kanak-kanak sepanjang tahun yang menyeluruh meliputi ke semua komponen pembelajaran (Meisels 1993). Dalam memilih hasil kerja untuk dimasukkan ke dalam portfolio, guru perlu bersikap selektif (Gronlund 1998) dengan memilih hasil kerja yang boleh menceritakan kemajuan yang telah dialami oleh kanak-kanak. Pengumpulan hasil kerja perlu berpandukan objektif pembelajaran yang bersesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak (Arce 2000).

Prosedur pengumpulan hasil kerja untuk dimuatkan ke dalam portfolio memerlukan penglibatan aktif kanak-kanak bersama guru (Grace 1992). Dengan cara ini, kanak-kanak dapat menganalisa kerja yang mereka lakukan. Juga, ini memberi peluang kepada guru untuk lebih memahami apa yang dibuat oleh kanak-kanak dan rasional mereka dalam menghasilkan kerja tersebut. Pendapat ini disokong oleh Meisels (1995) yang menambah penyertaan kanak-kanak dalam pemilihan ini merupakan satu bentuk perkembangan yang wajar ditanam ke dalam diri kanak-kanak kerana ianya melatih kanak-kanak untuk bertanggungjawab ke atas hasil kerja mereka.

Ward dan Murray- Ward (1999) menyatakan penggunaan portfolio menjadi bermakna dengan adanya penglibatan kanak-kanak dalam memilih bahan yang perlu dikumpul dalam portfolio mereka. Kanak-kanak akan terlibat dalam proses menilai kerja mereka sendiri yang mana ini membuatkan mereka sedar akan pencapaian mereka. Seterusnya ini membolehkan mereka memantau kemajuan dan merangka matlamat untuk meningkatkan tahap pencapaian yang seterusnya. Keseluruhan proses ini menjadikan pengalaman di prasekolah lebih menyeluruh dan bermakna.

Kesimpulannya, pengumpulan kandungan portfolio perlu dijalankan secara selektif dengan memilih hasil kerja yang menunjukkan perkembangan bersesuaian dengan objektif pembelajaran dan tahap perkembangan individu. Selain itu, penglibatan bersama kanak-kanak dan guru semasa proses pengumpulan kandungan portfolio dapat memastikan portfolio bermakna dalam perkembangan kanak-kanak.

### **Tatacara Menilai Kandungan Portfolio Kanak-kanak**

Proses menilai kandungan portfolio perlu berpandukan objektif pembelajaran yang bersesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak. Setelah proses pengumpulan dijalankan, guru menyemak, membanding dan menganalisa hasil kerja kanak-kanak. Pada tahap ini guru perlu mengenal pasti pengetahuan, kemahiran atau pencapaian yang ditunjukkan oleh kanak-kanak di dalam hasil kerja mereka.

Semakan hasil kerja kanak-kanak boleh dijalankan dengan pelbagai cara. Antara yang kerap ditemui adalah secara memberi ganjaran seperti bintang, gred atau stiker. Guru boleh memberi makna kepada dokumentasi portfolio yang dikumpul dengan memberi ulasan (Gronlund 1998). Ulasan guru merupakan sumber maklumat penting untuk menilai kerja kanak-kanak. Ulasan secara lisan yang diberi terus kepada kanak-kanak akan menyedarkan kanak-kanak pencapaian hasil kerja mereka. Ulasan tulisan pula akan memberi maklumat sejauhmana kanak-kanak telah berkembang dalam masa ditetapkan. Dengan itu amat penting bagi guru mengetahui kriteria penilaian perkembangan yang ditadbir berdasarkan pengetahuan, kemahiran dan pencapaian kanak-kanak sebelum ulasan ditulis. Ulasan yang

diberi meningkatkan kualiti dokumentasi kerana maklumat yang terkandung di dalamnya dapat menilai proses pembelajaran yang sedang berlaku ke atas kanak-kanak (Gronlund 1998). Selain itu ulasan guru dapat menjelaskan konteks di mana perkembangan kanak-kanak berlaku.

Hasil kerja kanak-kanak perlu dikumpul secara kronologi di mana setiap semakan perlu bertarikh. Ini akan membolehkan perkembangan kanak-kanak dinilai secara membandingkan hasil kerja yang terdahulu dengan yang terkini (Grace 1992). Perkembangan atau kejayaan kanak-kanak dari hasil kerja tidak boleh dirumuskan dengan membandingkan seorang kanak-kanak dengan kanak-kanak yang lain kerana penilaian berasaskan portfolio perlu berfokus kepada kanak-kanak itu sendiri tanpa membuat perbandingan dengan rakan sebaya. Ini membolehkan perkembangan kanak-kanak dipantau secara individu.

Bagi mencapai rumusan berkenaan perkembangan kanak-kanak, kandungan portfolio seterusnya perlu dianalisa. Ini dijalankan berpandukan objektif pembelajaran dan tahap perkembangan kanak-kanak (Meisels 1993). Menurut Appl (2000) ini membolehkan satu indikasi kemajuan kanak-kanak dibentuk yang konsisten dengan matlamat pembelajaran bersesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak tersebut. Dengan berpandukan objektif pembelajaran dan tahap perkembangan guru boleh memilih dan merancang pengalaman dan pembelajaran yang bersesuaian dengan keperluan kanak-kanak (Zurida et.al. 2003).

Kesimpulannya, dalam menilai kandungan portfolio, hasil kerja kanak-kanak melalui proses-proses menyemak, membanding dan menganalisa perkembangan berpandukan matlamat pembelajaran yang ingin dicapai bersesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak.

Berdasarkan prinsip-prinsip penggunaan portfolio yang telah dinyatakan oleh para penulis dan pengkaji, dapatlah disimpulkan bahawa penggunaan portfolio adalah sangat bermakna dalam perkembangan kanak-kanak. Ini kerana portfolio merupakan maklumat

yang boleh menjelaskan proses pembelajaran seterusnya menggambarkan perkembangan kanak-kanak sepanjang mengikuti program prasekolah.

### **Kajian tentang Penggunaan Portfolio**

Kajian-kajian menunjukkan penggunaan portfolio membawa kesan positif dalam kurikulum dan pengajaran walaupun penggunaannya berhadapan dengan beberapa masalah. Dalam penilaian berasaskan portfolio pelajar menunjukkan apa yang mereka boleh buat dan pelajar dinilai berdasarkan apa yang mereka sepadukan dalam membina portfolio dan bukan apa yang mereka dapat ingat kembali. Ini disebabkan portfolio sebagai alat penilaian adalah untuk mengumpul bukti tentang bagaimana pelajar mengolah, memproses dan menyempurnakan tugas dalam sesuatu domain. Kajian oleh Polakowski (1993) menyebut guru-guru yang berpengalaman menggunakan portfolio menyatakan bahawa portfolio selaras dengan kurikulum dan bersesuaian dengan amalan pengajaran kanak-kanak. Menerusi portfolio, guru dapat memahami gaya pembelajaran kanak-kanak, dapat meningkatkan kebolehan kanak-kanak dan dapat memenuhi keperluan profession perguruan. Portfolio mampu menilai perkembangan selaras dengan matlamat pengajaran. Namun dapatan kajian ini menunjukkan banyak masa diperlukan untuk merangka, mengumpul, menyimpan dan menginterpretasi maklumat tentang kemajuan pelajar. Ini menambah beban tugas guru sedia ada. Guru perlu memfokuskan aktiviti kelas supaya kerja yang dihasilkan dari pengajaran guru boleh digunakan untuk menilai pengetahuan, kemahiran dan pencapaian pelajar.

Kajian Arter et al.(1995) ke atas guru menunjukkan antara kebaikan portfolio yang dikenalpasti adalah :

- i. Membolehkan kurikulum dan pengajaran yang bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak dilaksanakan
- ii. Membolehkan pelajar menilai stail pembelajaran masing-masing
- iii. Meningkatkan kebolehan berkomunikasi dengan ibu bapa tentang pembelajaran pelajar.

Kajian King & Campbell-Allen (1998) ke atas guru-guru tentang penggunaan portfolio di Carrie E. Tompkins Elementary School di Croton, New York mendapati bahawa penggunaan portfolio membolehkan guru:

- i. lebih memahami pelajar mereka
- ii. lebih memahami gaya belajar pelajar
- iii. lebih memahami kebolehan pelajar dalam bidang berlainan
- iv. lebih memahami pengajaran sendiri
- v. merangka pengajaran yang berfokus kepada pelajar
- vi. berkongsi hasil kerja pelajar dengan ibu bapa

Pemerhatian oleh Cohen (2003) pula mendapati portfolio berupaya merekod perkembangan kanak-kanak dalam satu jangka masa, memberi maklumat tentang proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, memberi peluang kepada kanak-kanak untuk terlibat sama dalam menilai hasil kerja mereka dan merupakan satu bentuk komunikasi pencapaian kanak-kanak antara guru dan pihak-pihak tertentu.

Gronlund (1998) dalam pemerhatian beliau ke atas guru-guru prasekolah mendapati ramai guru menghadapi masalah untuk menilai perkembangan kanak-kanak berasaskan portfolio. Antara yang dikenal pasti ialah kecelaruan dalam menetapkan tujuan portfolio samada hanya sebagai tempat penyimpanan hasil kerja kanak-kanak atau asas penilaian perkembangan. Kebanyakan guru juga menghadapi masalah dari segi kecekapan terutama dalam memilih bahan yang benar-benar menunjukkan perkembangan pelajar dan menulis ulasan yang menggambarkan perkembangan. Bhasah (2003) menyatakan akibat ketidakcekapan guru masalah dari segi kesahan penilaian yang tepat dan konsisten terjejas akibat penskoran yang subjektif.

Ward dan Murray- Ward (1999) mendapati bahawa antara masalah penggunaan portfolio adalah:

- i. Memerlukan masa yang banyak untuk menyemak portfolio setiap kanak-kanak dan membuat penilaian

- ii. Pengetahuan guru yang agak terhad dalam menilai semua aspek perkembangan kanak-kanak berdasarkan hasil kerja
- iii. Ketidakjelasan tujuan penggunaan portfolio samada hanya sebagai tempat pengumpulan hasil kerja atau sebagai asas perkembangan penilaian kanak-kanak
- iv. Kurang bermakna kepada ibu bapa yang lebih mempercayai ujian dapat menggambarkan kejayaan anak mereka dengan lebih tepat
- v. Kesahan hasil kerja sebagai pengukur kemajuan kanak-kanak di sebabkan penilaian bersifat subjektif dan hanya berpandukan analisis yang dibuat oleh guru

Tempat penyimpanan hasil kerja adalah juga satu masalah penggunaan portfolio. Terdapat berbagai bentuk portfolio yang boleh diselenggara. Antaranya menggunakan kotak, fail, *folder* atau disket. Cara menyimpan hasil kerja banyak bergantung kepada pengalaman guru menyelenggara portfolio pada tahun-tahun sebelumnya. Akibat ketidakcekan guru mengumpul hasil kerja, sikap guru yang tidak selektif, guru sering kali memasukkan kesemua hasil kerja tanpa dianalisis. Ini menjadikan bahan yang dikumpul terlalu banyak dan menjejaskan bentuk fizikal portfolio (Gronlund 1998).

Kajian Umi Kalsom Takriff (2003) berjudul *Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan Penilaian Di Prasekolah JAWI* mendapati guru melibatkan kanak-kanak semasa mengumpul hasil kerja walaupun kesemua hasil kerja disimpan ke dalam portfolio tanpa melalui proses pemilihan. Penyemakan pula adalah secara langsung atau spontan di mana guru memberi komen secara lisan tentang kesalahan hasil kerja terus kepada kanak-kanak. Kandungan portfolio terutamanya hasil seni dipamerkan di kelas. Kajian tersebut mendapati pengesanan perkembangan keseluruhan kanak-kanak memerlukan pemerhatian ke atas aktiviti kanak-kanak dan interaksi bersama kanak-kanak selain dari maklumat dari hasil kerja.

Kajian Surayah (2004) mendapati guru-guru prasekolah menggunakan portfolio untuk tujuan-tujuan yang sejajar dengan konsep penggunaan portfolio. Namun, hasil kerja yang dikumpul terbatas kepada yang berasaskan kertas yang berbentuk lembaran kerja dan hasil

tulisan yang merupakan salinan atau adaptasi dari buku-buku rujukan di pasaran. Pengumpulan kandungan portfolio tidak dijalankan mengikut prosedur tertentu dengan penglibatan kanak-kanak yang terhad. Dari segi tatacara menilai kandungan portfolio, kaedah semakan yang paling menonjol adalah secara memberi ganjaran. Penyemakan yang dijalankan adalah lebih berbentuk perbandingan di antara hasil kerja yang terkini dengan yang terdahulu. Penganalisan kandungan portfolio adalah berdasarkan objektif pembelajaran dan tahap perkembangan. Kajian beliau telah mengenal pasti antara masalah yang dihadapi guru dalam menggunakan portfolio secara berkesan adalah latihan yang terbatas, bilangan kanak-kanak yang terlalu ramai, peruntukan masa yang banyak diperlukan untuk menilai hasil kerja kanak-kanak dan limitasi portfolio dalam menggambarkan perkembangan kanak-kanak secara keseluruhan.

Kesimpulannya, portfolio berpotensi sebagai salah satu alat penilaian alternatif dalam menilai perkembangan kanak-kanak masa kini. Namun, permasalahan seperti yang dinyatakan perlu mendapat pertimbangan sewajarnya agar pelaksanaannya memenuhi matlamat.

## **RUMUSAN**

Tinjauan literatur ini menjelaskan aspek-aspek penggunaan portfolio di prasekolah. Portfolio merangkumi hasil kerja kanak-kanak dalam tempoh mengikuti program prasekolah merupakan bukti perkembangan yang dialami sepanjang tempoh tersebut. Penggunaannya perlu berdasarkan tujuan yang jelas agar pelbagai hasil kerja yang dikumpul dapat memberi makna kepada perkembangan kanak-kanak. Pengumpulan kandungan portfolio perlu dijalankan secara selektif bersama kanak-kanak. Penilaian kandungan portfolio perlu melalui proses-proses menyemak, membanding dan menganalisa perkembangan berpandukan matlamat pembelajaran yang ingin dicapai bersesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak. Seharusnya portfolio dijadikan sebahagian dari elemen penting dalam menilai perkembangan kanak-kanak kerana portfolio mengandungi maklumat yang boleh menjelaskan proses pembelajaran seterusnya menggambarkan perkembangan kanak-kanak sepanjang mengikuti program prasekolah.

## RUJUKAN

- Ahmad Abd. Ghani Hj. Saad. 1993. Kesan pendidikan prasekolah terhadap kanak-kanak yang tidak beruntung. Tesis Sarjana Universiti Sains Malaysia.
- Anna Christina Abdullah. 2000. Penilaian perkembangan sosioemosi kanak-kanak. Seminar Pendidikan Awal Kanak-kanak. Universiti Sains Malaysia.
- Appl, D. J. 2000. Clarifying the preschool assessment process: Traditional practises and alternative approaches. *Early Childhood Education Journal*. **27** (4) :219- 225.
- Arce, Eve-Marie. 2000. *Curriculum for young children: An introduction*. New York: Delmar.
- Arter, J. A. et al. 1995. Portfolios for assessment and instructions. *ERIC Digest*. (atas talian) <http://ericadr.piccard.csc.com/extra/ericdigests/ed388890.html> (21 Jun 2003).
- Arter, J. & Spandel, V. 1991. *Using portfolios for student work in instruction and assessment*. Portland: Northwest Regional Educational Laboratory.
- Brewer, J. A. 1992. *Introduction to early childhood*. Boston : Allyn & Bacon.
- Cohen, L. 2003. *The power of portfolios*.(atas talian) [http:// teacher. scholastic. com/professional/assessment/powerportfolios.html](http://teacher.scholastic.com/professional/assessment/powerportfolios.html). (31 Disember 2003).
- De Fina, A. A. 1992. *Portfolio assessment: Getting started*. New York: Scholastic Professional Books.
- Engel, B. 1991. *An approach to assessment in early literacy*. Dlm. C. Kamii(Ed.), *Achievement testing in the early grades: The games grown-ups play*. Washington: National Association for the Education of Young Children.
- Feur, M. J., Fulton, K. & Morrison, P.1993. Better test and testing practises : Options for policy makers. *Educational Leadership*. **74**(7): 530 –534.
- Fong Lee Yun. 1992. Alternative assessment. *Childhood Education*. Winter. **69** (2): 72 –73.
- George, P. S. 1995. *What is portfolio assessment really and how can I use it in my classroom?* Gainesville, FL: Teacher Education Resources.
- Grace, C. 1992. The portfolio and its use: Developmentally appropriate assessment of young children. *ERIC Digest*. (atas talian) [http:// www.ed.gov/ databases/ ERIC\\_ Digests/ ed351150.html](http://www.ed.gov/databases/ERIC_Digests/ed351150.html) (29 Disember 2001).

- Gronlund, G. 1998. Portfolios as an assessment tool : Is collection of work enough? *Young Children* . **53** (3): 4-10.
- Gronlund, N. E. 1993. *How to make achievement tests and assessments*. Ed.Ke-5. Boston: Allyn and Bacon.
- Halim Ahmad.1989. Impact of preschool intervention on lower economic status of children in Kuala Lumpur. Tesis Ph.D. University of Michigan, USA (tidak diterbitkan).
- Hoy, Cheri & Greg, Noel. 1994. *Assessment : The special educator's role*. Carlifornia: Brooks/ Cole Publishing Company.
- Hussein Ahmad. 1996. Dasar, status pelaksanaan dan masa depan pendidikan prasekolah di Malaysia. Seminar Kebangsaan Pendidikan Prasekolah. Pulau Pinang.
- Hyson, M. 2002. Three perspectives on early childhood assessment. *Young Children*. Jan. **57**(1): 62-64.
- Katz, L.G. 1997. *A developmental approach to assessment of young children*. (atas talian). <http://kidsource.com/kidsource/content/4/assass.developmental.html>.(31 Disember 2003).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2003a. *Huraian Kurikulum Kebangsaan Prasekolah*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2003b. *Kurikulum Kebangsaan Prasekolah*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Khadijah Rohani Mohd. Yunus. 1992. Psikologi dan fisiologi kanak-kanak: Kaitannya dengan Kurikulum Prasekolah. Bengkel Kurikulum Pendidikan Prasekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia. Tidak diterbitkan.
- King, S. P. & Campbell-Allen, L. 1998. *Portfolio, student's work and teacher practise*. NY: Teacher College Press.
- Klenowski, Val. 2002. *Developing portfolios for learning and assessment:Processes and principles*. London: Routledge Falmer.
- Lembaga Penyelidikan Undang-undang.1999.*Akta Pendidikan 1996(Akta 550)*. Kuala Lumpur : Maju Tulis Sdn. Bhd.
- Lumpe, A.T. & Staver, J.R. 1995. Peer collaboration and concept development: Learning about photosynthesis. *Journal of Research in Science Teaching*. **32**(1) : 71-98.
- Meisels, S. J. 1993. Remaking classroom assessment with the Work Sampling System. *Young Children*. **48** (5): 43-40.

- Meisels, S. J. 1995. Performance assessment in early childhood education : The Work Sampling System. *ERIC DIGEST*. (atas talian) [http:// www.ed.gov/ databases/ ERIC\\_Digests/ ed 382407.html](http://www.ed.gov/databases/ERIC_Digests/ed382407.html). (29 Disember 2001).
- Meisels, S., Dichtelmiller, M., Jablon, J., Dorfman, A., & Marsden, D. 1997. *Work sampling in the classroom: A teacher's manual*. Ann Arbor, MI: Rebus Planning Associates, Inc..
- Meisels, S. & Steele, D. 1991. *The early childhood portfolio collection process*. Ann Arbor, MI : Center for Human Growth and Development, University of Michigan.
- Mohamad Hj. Abu Daud. 1993. Tugas dan masalah guru dalam mengendalikan kurikulum prasekolah. Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan. Universiti Malaya.
- Mohamed Ayob Sukani. 2002. Penilaian kualiti program 'Annex' Prasekolah di beberapa kawasan di negeri Selangor: Satu tinjauan. Disertasi Sarjana Pendidikan .Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Murphy, S. & Smith, M.A. 1990. Talking about portfolios. *The Quarterly of the National Writing Project*. **12** . Spring: 1-3, 24-27.
- National Association for the Education of Young Children (NAEYC). 1991. Guidelines for appropriate curriculum content and assessment in programs serving children ages 3 through 8. *Young Children*. No. 46: 21 – 38.
- Nordin Hj. Abdul Razak, Siti Hawa Abdullah & Zurida Ismail. 2000. Kaedah, amalan dan masalah pelaksanaan penilaian guru-guru peringkat prasekolah. Seminar Pendidikan Awal Kanak-kanak. Universiti Sains Malaysia.
- Nor Hashimah Hashim & Khadijah Zon. 2000. Pelaksanaan penilaian pendidikan Islam Dan Moral: Satu tinjauan di prasekolah. Seminar Pendidikan Awal Kanak-kanak. Universiti Sains Malaysia.
- Nor Hasihmah Hashim & Yahya Che Lah. 2003. *Panduan pendidikan prasekolah*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Polakowski, C. 1993. Literacy portfolios in the early childhood classroom. Dlm. M. Dalheim (Ed.), *Student portfolios* (National Education Association Professional Library Teacher-to- Teacher Series. Washington DC: Bookshelf (Editorial Projects in Education).
- Rahimah Haji Ahmad .1996. Peningkatan mutu pendidikan prasekolah di Malaysia: Konsep dan strategi. Seminar Kebangsaan Pendidikan Prasekolah. Pulau Pinang.
- Rohani Abdullah. 2001. *Perkembangan kanak-kanak. Penilaian secara portfolio*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Rohaty Mohd. Majzub. 1986. Pendidikan Prasekolah: Pro dan Kontra. Dlm. Ibrahim Saad (pnyt). *Isu-isu pendidikan di Malaysia*. Hlm. 431- 437. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohaty Mohd. Majzub. 1992. Differences in priorities for kindergarten school among parents, teachers and experts in Malaysia. *Malaysian Journal of Social Research*. 1(7) January : 49-65.
- Rohaty Mohd. Majzub. 1996a. Penyelidikan penilaian dan pengukuhan dalam bidang pendidikan prasekolah. Seminar Kebangsaan Pendidikan Prasekolah. Pulau Pinang.
- Rohaty Mohd. Majzub. 1996b. Educational assessment of Malaysian preschoolers. *Projek IRPA*.
- Rohaty Mohd. Majzub. 1998a. Penaksiran, penilaian dan penyelidikan dalam bidang pendidikan prasekolah. Dlm. Siti Rahayah Ariffin & Tajul Ariffin Noordin.(pnyt). *Asas-asas Pendidikan*, hlm. 95-127. Bangi : Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohaty Mohd. Majzub. 1998b. *Understanding preschool education. A guide for teachers and parents*. Kajang: Makruf Publisher & Distributors Sdn. Bhd.
- Rohaty Mohd. Majzub. 2003. *Pendidikan prasekolah: Cabaran kualiti*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Roopnarine, J. and Johnson, J. 1997. *Approaches to early childhood education*. Columbus, OH: Merrill.
- Schweinhart, J. 1993. Watch kids in action to access early childhood. *Education Digest*. Disember. 59( 4):53-55.
- Seefeldt, C. 1990. *Assessing young children*. In Seefeldt (Ed.). *Continuing issues in early childhood education*. Upper Saddle River, NJ: Merrill/ Prentice Hall.
- Surayah Zaidon. 2003. Persepsi guru prasekolah terhadap penggunaan portfolio. Disertasi Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Umi Kalsom Takriff. 2003. Persepsi guru terhadap pelaksanaan penilaian di prasekolah JAWI. Disertasi Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wortham, S. C. 2002. *Early childhood curriculum: Developmental bases for learning and teaching*. Ed. Ke-3. New Jersey: Merrill Prentice Hall.
- Zurida Ismail, Sharifah Norhaidah Syed Idros dan Maznah Ali. 2003. *Pendidikan Sains prasekolah*. Bentong : PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.